

29/08/1998

Kerajaan timbang teruskan projek Bakun

KERAJAAN sedang menimbang kemungkinan meneruskan pelaksanaan projek Empangan Hidro Elektrik Bakun, walaupun pada skala lebih kecil mengikut keperluan semasa.

Perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan masih mencari jalan bagaimana hendak menyiapkan projek itu.

"Mungkin unit turbin yang perlu dipasang akan dikurangkan mengikut keperluan. Bagaimanapun bagi pembinaan empangan, kita akan menyiapkannya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), di Santubong, kira-kira 40 kilometer dari Kuching, semalam.

Kerajaan menanggungkan projek empangan yang dianggarkan berharga RM13.6 bilion itu akhir tahun lalu, dan mengambil alih tanggungjawab projek itu daripada Ekran Bhd.

Ekran, sebagai pemaju projek itu, melantik konsortium ABB-CPBO Brown Boveri dari Sweden dan Companhia Brasileira de Projectos Obras dari Brazil sebagai kontraktor utama.

Bagaimanapun, ABB-CPBO digugurkan berikutan pertikaian mengenai kontrak tahun lalu. Ekran mempunyai 32 peratus saham dalam Bakun Hydroelectric Corporation Bhd (BHC).

Mengikut jadual asal, projek itu mula beroperasi pada 2003 dan berkeupayaan menjana 1,800 megawatt tenaga yang sebahagiannya akan disalurkan ke Semenanjung melalui kabel dasar laut.

Perdana Menteri berkata, sebahagian pampasan berikutan pengambilalihan tanggungjawab projek itu oleh kerajaan, sudahpun dibayar kepada Ekran.

Menurutnya, kerajaan tidak menetapkan tempoh untuk projek itu disiapkan kerana terpaksa mencari rakan kongsi bagi meneruskannya.

Beliau berkata, dengan mengecilkan skop projek itu, termasuk mungkin tidak membekalkan bekalan yang dijananya ke Semenanjung tetapi hanya bagi Sabah dan Sarawak, kerajaan dapat mengurangkan kos.

(END)